UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESAN SKEMATA BAHASA ARAB TERHADAP PENCAPAIAN HAFAZAN MELALUI KEFAHAMAN AL-QURAN DAN AMALAN PEMBELAJARAN REGULASI-KENDIRI***

**ZAHRIAH BINTI HUSSIN**

**FBMK 2018 76**

**KESAN SKEMATA BAHASA ARAB TERHADAP PENCAPAIAN HAFAZAN MELALUI KEFAHAMAN AL-QURAN DAN AMALAN PEMBELAJARAN REGULASI-KENDIRI**

Oleh

**ZAHRIAH BINTI HUSSIN**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2018**

© COPYRIGHT UPM

**HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor falsafah

**KESAN SKEMATA BAHASA ARAB TERHADAP PENCAPAIAN HAFAZAN MELALUI KEFAHAMAN AL-QURAN DAN AMALAN PEMBELAJARAN REGULASI-KENDIRI**

Oleh

**ZAHRIAH BINTI HUSSIN**

**Julai 2018**

**Pengerusi : Nik Farhan binti Mustapha, PhD**
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tesis ini memfokuskan kesan skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran dan konsep pembelajaran regulasi-kendiri (PRK). Berdasarkan tinjauan literatur, walaupun pendidikan tahfiz berkembang pesat mutakhir ini, pencapaian hafazan al-Quran di institusi *tahfiz* didapati kurang memberangsangkan. Kelemahan pencapaian hafazan dipercayai berpunca daripada kelemahan dalam aspek kefahaman makna ayat al-Quran, kurangnya keberkesanan strategi hafazan dan kekurangan motivasi dalam kalangan pelajar tahfiz. Walaupun banyak kajian telah dijalankan, namun terdapat kelompangan dalam memahami faktor di sebalik kelemahan tersebut. Sementara itu, beberapa sarjana Islam didapati menekankan pengajaran bahasa Arab dalam sistem pendidikan tahfiz. Justeru, kajian ini meneroka kepentingan skemata bahasa Arab dalam melengkapkan kefahaman tentang faktor yang boleh meramal pencapaian hafazan. Dengan mengambil pendekatan kuantitatif, kajian ini menyelidiki pengaruh skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz yang mempunyai latar belakang pengajian bahasa Arab. Kajian dijalankan terhadap 246 sampel dari empat buah institusi tahfiz di Malaysia yang mensyaratkan pelajar mempunyai skemata bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Faktor pengantara, iaitu kefahaman al-Quran dan lima konstruk PRK - efikasi kendiri, strategi hafazan, strategi metakognitif, *tikrār* dan strategi pengurusan sumber - turut diteliti. Pengumpulan data dilakukan melalui teknik ujian dan borang soal selidik. Kaedah ujian digunakan bagi mengukur tahap skemata bahasa Arab yang terdiri daripada nahu, saraf dan kosa kata, tahap kefahaman al-Quran dan juga pencapaian hafazan. Soal selidik digunakan untuk mengukur amalan PRK. Analisis deskriptif menunjukkan semua konstruk PRK berada pada tahap tinggi. Skemata saraf, skemata kosa kata dan kefahaman al-Quran berada pada tahap sederhana tinggi, manakala pencapaian hafazan (lisan dan bertulis) dan skemata nahu berada pada tahap sederhana rendah. Hasil analisis menggunakan *Partial Least Square – Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) dan prosedur *Bootstrapping* menunjukkan bahawa skemata bahasa Arab mempunyai kesan langsung dan kesan tidak langsung terhadap pencapaian

© COPYRIGHT UPM

hafazan. Kesan tidak langsung ditemui paling utama melalui laluan kefahaman al-Quran diikuti laluan strategi hafazan, efikasi kendiri dan *tikrār*. Skemata bahasa Arab didapati mempunyai kesan yang signifikan ke atas semua pemboleh ubah yang dikaji sama ada kesan langsung atau kesan tidak langsung kecuali terhadap strategi metakognitif. Analisis kesan keseluruhan mendapati skemata bahasa Arab dan kefahaman al-Quran memberi kesan yang lebih besar terhadap pencapaian hafazan dibandingkan dengan faktor amalan PRK. Analisis *Importance-Performance Matrix Analysis* (IPMA) menunjukkan komponen bahasa Arab yang paling penting terhadap pencapaian hafazan ialah nahu, diikuti oleh saraf dan kosa kata. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa skemata bahasa Arab dan kefahaman al-Quran menjadi faktor peramal yang relevan terhadap pencapaian hafazan. Penemuan ini selari dengan pandangan ilmuan silam yang menekankan kepentingan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz seperti Ibnu Khaldun dan al- Qābisi. Oleh yang demikian, pengetahuan bahasa Arab dan kefahaman al-Quran perlu dijadikan fokus kajian seterusnya dalam bidang hafazan al-Quran. Ini bermakna, pengetahuan bahasa Arab perlu diintegrasikan ke dalam sistem hafazan dalam usaha meningkatkan penguasaan hafazan pelajar tahfiz.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**EFFECTS OF ARABIC LANGUAGE SCHEMATA ON MEMORIZATION ACHIEVEMENTS THROUGH THE UNDERSTANDING OF THE QURAN AND SELF-REGULATED LEARNING PRACTICES**

By

**ZAHRIAH BINTI HUSSIN**

**July 2018**

**Chairman : Nik Farhan binti Mustapha, PhD**
**Faculty : Modern Language and Communication**

This thesis focuses on the effect of Arabic language schemata on memorization achievement through understanding the Quran and self-regulated learning (SRL) concept. From the literature review, it is found that even though tahfiz education had developed rapidly, the achievement on Quran memorization at *tahfiz* institutions is unpromising. The low performance of memorization is believed to be the result of weakness in the understanding of the meanings of Quranic verses, poor impact of memorization strategy and the lack of self-motivation among *tahfiz* students. Even though many studies have been conducted, still there is gap in understanding the reason behind these weaknesses. Whilst, some muslim scholars are found to have given emphasis on the teaching of Arabic language in the tahfiz education system. Thus, the present study explores the importance of Arabic language schemata as a predicting factor for memorization achievement. Utilizing the quantitative approach, this research explores the effect of Arabic language schemata towards Quran memorization achievements among *tahfiz* students possessing background knowledge on the language. The research was conducted on 246 samples from four *tahfiz* institutions in Malaysia that required students to possess knowledge of Arabic language at the *Sijil Pelajaran Malaysia* level. The mediating factors comprising of the understanding of the Quran and the five SRL constructs consisting of self-efficacy, memorization strategy, metacognitive strategy, *tikrār* and resource management strategy were investigated. Data collection was carried out through testing techniques and questionnaires. The testing techniques were used to measure students' mastery level of the Arabic language components which are *nahu* (Arabic syntax), *saraf* (Arabic morphology) and vocabulary, the understanding of the Quran and also memorization achievement. Questionnaires were used to measure SRL practices. The descriptive analysis shows that all the SLR constructs gain high scores. Morphology, vocabulary and understanding of the meaning of Quranic verses gain moderate scores, while memorization achievement (oral and written) and syntax schemata both are at lower moderate scores. The results of the analysis using the Partial Least Square –

© COPYRIGHT UPM

Structural Equation Modeling and Bootstrapping procedure indicate that the knowledge of Arabic language has direct and indirect effects on memorization achievement. The indirect effects found mainly via the understanding of the Quran path followed by the path of memorization strategy, self-efficacy and *tikrār*. Arabic language schemata affects significantly all variables studied (directly and indirectly) except for the metacognitive strategy. However, the knowledge of Arabic language and the understanding of the Quran give greater effects to memorization achievements compared to the SRL practices. Meanwhile, the most important Arabic language components necessary for memorization achievements are syntax, followed by morphology and vocabulary. The findings of this research clearly indicate that both knowledge of the Arabic language and the understanding of the Quran are relevant predicting factors in the Quranic memorization context. These findings are in line with the view of early muslim scholars such as Ibnu Khaldun and al- Qābisi who gave emphasis on the importance of Arabic language among tahfiz students. Therefore, knowledge of the Arabic language as well as understanding of the Quran should be a further research focus in the field of Quran memorization. This means that, Arabic language knowledge should be integrated into memorization system in the endeavor towards upgrading the mastery of memorization among *tahfiz* students

© COPYRIGHT UPM

## PENGHARGAAN

الحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ العَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
وَبَعْدُ،

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Doktor Falsafah Pengajian Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr Nik Farhan Mustapha yang tidak jemu membimbing, memantau, menunjuk ajar dan memberikan bantuan yang memungkinkan kerja-kerja penyelidikan dapat dijalankan dengan mudah sehingga tesis ini siap sepenuhnya serta penghargaan kepada Jawatankuasa Penyeliaan yang lain iaitu Prof Madya Dr Che Radiah binti Mezah dan Dr Pabiah Maaming. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah banyak membantu saya sepanjang berada di permukiman ilmu UPM.

Tidak lupa saya rakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberikan saya peluang menyambung pengajian di Universiti Putra Malaysia selama tiga tahun khususnya staf BTP yang sangat dedikasi dan banyak membantu.

Turut tidak dilupakan penghargaan kepada semua pegawai dan staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Baitul Hikmah, Universiti Islam Amtarabangsa Malaysia yang telah memberikan pelbagai bentuk kemudahan yang diperlukan sepanjang saya menyiapkan kajian. Saya juga mengambil kesempatan yang ada untuk mengucapkan rasa terhutang budi dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak dapat dinyatakan satu persatu di sini yang tidak lokek membimbing kerja penyelidikan saya melalui buah fikiran dan bimbingan professional mereka sehingga penyelidikan ini dapat diselesaikan.

Ditintakan juga di sini sekalung penghargaan buat suami tercinta Dr Majdan Alias dan anak-anak yang dikasihi; Asmaa', Abdullah Muaz, Humairaa', Ahmad Miqdad dan Shifaa' kerana memahami, membantu dan sanggup berkorban serta menjadi sumber inspirasi sepanjang pahit getir menyiapkan penyelidikan.

Akhir kata, saya berharap agar segala bantuan dan kerjasama yang dihulurkan oleh semua pihak diterima sebagai amal soleh dan dibalas sebaik-baiknya oleh Allah SWT. Segala yang baik dan sempurna itu hanya milik Allah dan kekurangan itu datang

© COPYRIGHT UPM

daripada diri saya yang lemah. Semoga sedikit usaha ini menjadi jariah buat al-marhum bonda dan ayahanda di alam abadi.

Al-Faqirah ilallah,
ZAHRIAH BINTI HUSSIN

© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nik Farhan binti Mustapha, PhD**
Pengyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Che Radiah binti Mezah, PhD**
Pengyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD**
Pengyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

______________________________
**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovosi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : ________________________ Tarikh :__________________

Nama dan No: Matrik: Zahriah Binti Hussin, GS42086

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: ______________________________
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Nik Farhan binti Mustapha

Tandatangan: ______________________________
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Che Radiah binti Mezah

Tandatangan: ______________________________
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok

© COPYRIGHT UPM

## JADUAL KANDUNGAN

**Muka surat**


| | | |
|---|---|---|
| **ABSTRAK** | | i |
| ***ABSTRACT*** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | v |
| **PENGESAHAN** | | vii |
| **PERAKUAN** | | ix |
| **SENARAI JADUAL** | | xvi |
| **SENARAI RAJAH** | | xviii |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | xix |
| **SENARAI SINGKATAN** | | xx |
| **TRANSLITERASI** | | xxi |
| **BAB** | | |
| **1** | **PENGENALAN** | 1 |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.2.1 Perkembangan pendidikan tahfiz | 1 |
| | 1.2.2 Hubungan bahasa Arab dengan hafazan al-Quran | 2 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 3 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 7 |
| | 1.5 Kepentingan Kajian | 8 |
| | 1.5.1 Dari segi khazanah ilmu pengetahuan dan penyelidikan ilmiah | 8 |
| | 1.5.2 Dari segi teori | 8 |
| | 1.5.3 Dari segi praktis pendidikan tahfiz | 9 |
| | 1.6 Limitasi Kajian | 9 |
| | 1.6.1 Skop pemboleh ubah kajian | 9 |
| | 1.6.2 Kaedah kajian | 10 |
| | 1.6.3 Populasi dan sampel kajian | 10 |
| | 1.7 Definisi Operasi | 11 |
| | 1.7.1. Kesan Skemata Bahasa Arab | 11 |
| | 1.7.2 Pencapaian hafazan | 11 |
| | 1.7.3 Kefahaman al-Quran | 11 |
| | 1.7.4 Pembelajaran Regulasi-Kendiri (PRK) | 11 |
| | 1.8 Penutup | 12 |
| **2** | **TINJAUAN LITERATUR** | 13 |
| | 2.1 Pendahuluan | 13 |
| | 2.2 Ringkasan Perkembangan Pendidikan Tahfiz | 13 |
| | 2.3 Kepentingan Hafazan Al-Quran | 14 |
| | 2.4 Hubungan Sistem Pendidikan Tahfiz dengan Bahasa Arab | 15 |
| | 2.4.1 Sistem pendidikan tahfiz tanpa ilmu bahasa Arab | 15 |
| | 2.4.2 Sistem yang mendahulukan pembelajaran bahasa Arab sebelum hafazan al-Quran | 18 |


© COPYRIGHT UPM

2.4.3 Sistem yang menggabungkan bahasa Arab dalam pendidikan al-Quran 20
2.5 Kajian tentang aktiviti mengingat dan hafazan al-Quran 22
2.5.1 Hafazan al-Quran sebagai aktiviti kognitif 22
2.5.2 Aktiviti mengingat dalam kajian Barat 23
2.5.3 Kajian lepas tentang faktor pencapaian hafazan 24
2.6 Sistem Pendidikan Tahfiz al-Qabisi 29
2.6.1 Latar belakang dan karya al-Qabisi dalam pendidikan al-Quran 29
2.6.2 Matlamat dan Objektif Tahfiz al-Qabisi 30
2.6.2.1 *Hifz* 31
2.6.2.2 *Wa'iy* 31
2.6.2.3 *Istirja'* 32
2.6.3 Kaedah penilaian hafazan 32
2.6.4 Faktor keberkesanan hafazan 33
2.6.4.1 *Tikrar* 33
2.6.4.2 *Mayl* 34
2.6.4.3 *Fahm* 34
2.6.5 Kedudukan Bahasa Arab dalam Kurikulum Pendidikan Tahfiz al-Qabisi 36
2.7 Teori Skemata 39
2.7.1 Konsep skemata 39
2.7.2 Kajian lepas tentang peranan skemata dalam pembelajaran 40
2.7.3 Skemata bahasa 41
2.7.3.1 Hubungan skemata bahasa dengan kemampuan mengingat 41
2.7.3.2 Hubungan skemata bahasa dengan kefahaman teks 42
2.7.4 Skemata Bahasa Arab 43
2.7.4.1 Skemata nahu (*fleksi*) 43
2.7.4.2 Skemata saraf 44
2.7.4.3 Skemata kosa kata 49
2.7.5 Hubungan skemata bahasa dengan konsep pengaturan kendiri 51
2.8 Pembelajaran Regulasi-Kendiri (PRK) 52
2.8.1 Konsep PRK dan kepentingannya 52
2.8.2 Justifikasi pemilihan model PRK 54
2.8.3 Strategi dalam konsep PRK 56
2.8.3.1 Justifikasi pemilihan strategi metakognitif dan strategi kognitif 56
2.8.3.2 Hubungan strategi metakognitif dengan teori skemata 57
2.8.3.3 Justifikasi pemilihan strategi pengurusan sumber (SPS) 58
2.8.4 Motivasi dalam konsep PRK 59
2.8.4.1 Justifikasi pemilihan konstruk efikasi kendiri 60
2.8.4.2 Hubungan efikasi kendiri dengan skemata 60



© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.8.4.3 | Hubungan efikasi kendiri dengan penggunaan strategi | 61 |
| | 2.8.4.4 | Hubungan efikasi kendiri dengan pencapaian | 62 |
| 2.9 | Kerangka konsep kajian | | 63 |
| 2.10 | Hipotesis kajian | | 63 |
| 2.11 | Penutup | | 64 |
| **3** | **METODOLOGI** | | 65 |
| 3.1 | Pendahuluan | | 65 |
| 3.2 | Prakajian | | 65 |
| | 3.2.1 | Konsep Perbincangan Kumpulan Fokus (PKF) | 65 |
| | 3.2.2 | Proses pelaksanaan PKF | 66 |
| | 3.2.3 | Dapatan PKF | 68 |
| 3.3 | Reka bentuk kajian | | 69 |
| | 3.3.1 | Justifikasi pemilihan pendekatan SEM | 70 |
| | 3.3.2 | Ciri-ciri pengukuran PLS-SEM | 70 |
| | 3.3.3 | Proses Kajian | 73 |
| | 3.3.4 | Kaedah dan instrumen kajian | 74 |
| 3.4 | Teknik ujian | | 75 |
| | 3.4.1 | Pemboleh ubah yang diukur melalui kaedah ujian | 76 |
| | 3.4.2 | Keobjektifan ujian | 77 |
| | 3.4.3 | Kebolehpercayaan ujian | 77 |
| | 3.4.4 | Kesahan instrumen ujian | 78 |
| | 3.4.4.1 | Pemilihan pakar penilai | 78 |
| | 3.4.4.2 | Proses penilaian kesahan | 79 |
| | 3.4.4.3 | Indeks Kesahan Kandungan | 80 |
| | 3.4.5 | Pembinaan instrumen ujian | 81 |
| | 3.4.5.1 | Ujian Nahu | 81 |
| | 3.4.5.2 | Ujian Saraf | 82 |
| | 3.4.5.3 | Ujian Kosa Kata | 83 |
| | 3.4.5.4 | Ujian kefahaman | 84 |
| | 3.4.5.5 | Ujian hafazan | 87 |
| | 3.4.6 | Pelaksanaan ujian | 88 |
| 3.5 | Teknik soal selidik | | 89 |
| | 3.5.1 | Kandungan instrumen soal selidik | 90 |
| | 3.5.2 | Proses penterjemahan semula item (*back translation*) | 90 |
| | 3.5.3 | Kaedah pembinaan instrumen soal selidik | 91 |
| | 3.5.3.1 | Pengadaptasian Instrumen *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) | 92 |
| | 3.5.3.2 | Pembinaan skala Strategi Hafazan | 94 |
| 3.6 | Populasi dan persampelan | | 98 |
| | 3.6.1 | Populasi kajian | 98 |
| | 3.6.2 | Saiz sampel dalam penggunaan PLS-SEM | 99 |
| | 3.6.3 | Prosedur persampelan | 99 |
| 3.7 | Kajian rintis | | 101 |
| 3.8 | Prosedur pengumpulan data | | 102 |
| | 3.8.1 | Prosedur sebelum kajian | 102 |

© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 3.8.2 Prosedur semasa kajian | 102 |
| | | 3.8.3 Prosedur selepas kajian | 103 |
| | 3.9 | Penyemakan data | 103 |
| | 3.10 | Penganalisisan Data | 104 |
| | 3.11 | Kebolehpercayaan dan kesahan kajian | 105 |
| | 3.12 | Penutup | 111 |
| **4** | **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN** | | **112** |
| | 4.1 | Pendahuluan | 112 |
| | 4.2 | Profil Responden Kajian | 112 |
| | 4.3 | Analisis Deskriptif Tahap Pencapaian Pemboleh Ubah Kajian | 114 |
| | | 4.3.1 Tahap Pengetahuan Bahasa Arab dan Kefahaman al-Quran | 114 |
| | | 4.3.2 Tahap Pencapaian Hafazan al-Quran | 115 |
| | | 4.3.3 Tahap Efikasi Kendiri | 117 |
| | | 4.3.4 Tahap Amalan Strategi Metakognitif | 118 |
| | | 4.3.5 Tahap Amalan Strategi Hafazan | 118 |
| | | 4.3.6 Tahap Amalan Strategi Pengurusan Sumber (SPS) | 120 |
| | 4.4 | Pengujian Model Struktur Pencapaian Hafazan | 122 |
| | | 4.4.1 Penilaian Kolineariti | 123 |
| | | 4.4.2 Pengujian kesignifikanan dan kerelevanan hubungan dalam model struktur | 125 |
| | | 4.4.3 Ketepatan peramalan | 127 |
| | | 4.4.4 Kerelevanan peramalan | 129 |
| | | 4.4.5 Perbandingan saiz kesan ketepatan peramalan ($f^2$) dan saiz kesan kerelevanan ($q^2$) | 130 |
| | 4.5 | Pengujian Hipotesis Kajian | 134 |
| | | 4.5.1 Mengenalpasti kesan langsung skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan | 134 |
| | | 4.5.2 Mengukur kesan tidak langsung skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran dan amalan pembelajaran regulasi-kendiri (konstruk strategi hafazan, strategi metakognitif, efikasi kendiri, tikrar dan strategi pengurusan sumber) | 136 |
| | 4.6 | Mengukur kesan keseluruhan Skemata bahasa Arab terhadap kesemua pemboleh ubah endogen (Pencapaian Hafazan, Kefahaman al-Quran, Strategi Hafazan, Efikasi Kendiri, Strategi Pengurusan Sumber, Strategi Metakognitif dan *Tikrar*) | 141 |
| | 4.7 | Menentukan urutan kepentingan komponen Skemata bahasa Arab dalam mempengaruhi pencapaian hafazan | 145 |
| | 4.8 | Penutup | 147 |
| **5** | **RUMUSAN KAJIAN** | | **148** |
| | 5.1 | Pendahuluan | 148 |
| | 5.2 | Ringkasan kajian | 148 |
| | | 5.2.1 Pernyataan masalah | 148 |
| | | 5.2.2 Objektif kajian | 152 |
| | | 5.2.3 Metodologi kajian | 153 |

© COPYRIGHT UPM

5.3 Kesimpulan kajian 154
5.3.1 Kesimpulan analisis deskriptif 154
5.3.2 Kesimpulan Dapatan Analisis Inferensi 155
5.3.2.1 Kesan Langsung Skemata bahasa Arab Terhadap Pencapaian Hafazan 155
5.3.2.2 Peranan Kefahaman Sebagai Pengantara dalam Hubungan Antara Skemata bahasa Arab dan Pencapaian Hafazan 155
5.3.2.3 Peranan Amalan PRK Sebagai Pengantara dalam Hubungan Antara Skemata bahasa Arab dan Pencapaian Hafazan 156
5.3.3 Kesimpulan kesan keseluruhan skemata bahasa Arab (sebab) terhadap kesemua pemboleh ubah bersandar (akibat) 157
5.3.3.1 Kesan Terhadap Kefahaman al-Quran 158
5.3.3.2 Kesan Terhadap Penggunaan Strategi Hafazan dan Strategi Metakognitif 158
5.3.3.3 Kesan Terhadap Efikasi Kendiri 159
5.3.3.4 Kesan Terhadap Strategi Pengurusan Sumber dan *Tikrar* 160
5.3.4 Kesimpulan komponen skemata bahasa Arab yang mendominasi pencapaian hafazan 161
5.4 Rumusan Dapatan Kajian 161
5.5 Implikasi Kajian 164
5.5.1 Implikasi Teoritis 164
5.5.2 Implikasi Terhadap Amalan Pembelajaran Tahfiz 165
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 168
5.7 Penutup 169

**RUJUKAN** 170
**LAMPIRAN** 188
**BIODATA PELAJAR** 258
**SENARAI PENERBITAN** 259

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Kaedah kajian dan teknik pengumpulan data | 75 |
| 3.2 | Skala Interpretasi Penskoran Item Bagi Kesahan Kandungan Ujian | 80 |
| 3.3 | Rumusan Penskoran Indeks Kesahan Kandungan Ujian | 81 |
| 3.4 | Rumusan Penyediaan Instrumen Ujian Nahu, Saraf, Kosa Kata dan Kefahaman al-Quran | 86 |
| 3.5 | Skala Interpretasi Tahap Pencapaian Ujian Bahasa Arab dan Kefahaman al-Quran | 87 |
| 3.6 | Skala Pangkat Pencapaian Hafazan al-Quran | 88 |
| 3.7 | Skala Interprestasi Tahap Pencapaian Hafazan al-Quran | 88 |
| 3.8 | Konstruk dan item yang terkandung dalam borang soal selidik | 90 |
| 3.9 | Interpretasi Min Amalan PRK yang diadaptasi daripada MSLQ | 94 |
| 3.10 | Kategori Item Strategi Hafazan | 96 |
| 3.11 | Interpretasi Min Strategi Hafazan | 98 |
| 3.12 | Nilai Alfa Ujian Rintis Instrumen Amalan PRK | 101 |
| 3.13 | Rumusan Keputusan Model Luaran Reflektif | 107 |
| 3.14 | Pemuatan Faktor Silang | 108 |
| 3.15 | Kriteria Fornell-Larcker | 108 |
| 3.16 | Nisbah Heterotrait-Monotrait (HTMT) | 109 |
| 3.17 | Keputusan Pengujian Kesignifikanan Pemberatan Luaran | 110 |
| 4.1 | Profil Demografi Responden | 113 |
| 4.2 | Analisis Deskriptif bagi Skor Skemata Nahu, Saraf, Kosa Kata dan Kefahaman al-Quran (N=246) | 115 |
| 4.3 | Analisis Deskriptif bagi Skor Pencapaian Hafazan al-Quran Lisan dan Tulis (N=246) | 116 |
| 4.4 | Peratus gred pencapaian hafazan (N=246) | 116 |


© COPYRIGHT UPM

4.5 Analisis Deskriptif Pemboleh ubah Efikasi Kendiri 117

4.6 Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Strategi Metakognitif 118

4.7 Analisis Deskriptif Pemboleh ubah Strategi Hafazan 119

4.8 Analisis Deskriptif Pemboleh ubah Strategi Pengurusan Sumber 122

4.9 Penilaian Kolineariti Antara Pemboleh ubah Kajian 124

4.10 Keputusan Analisis Laluan dan *Bootstrapping* bagi hubungan antara semua konstruk yang diukur 125

4.11 Perbandingan Ketepatan Peramalan ($R^2$) dan Kerelevanan Peramalan ($Q^2$) 130

4.12 Perbandingan Saiz Kesan Ketepatan Peramalan ($f^2$) dan Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan ($q^2$) 133

4.13 Kesan langsung skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan 135

4.14 Kesan Tidak Langsung Skemata Arab Terhadap Pencapaian Hafazan 137

4.15 Kesan Keseluruhan Skemata bahasa Arab Terhadap Semua Pemboleh Ubah Endogen 141

© COPYRIGHT UPM

# SENARAI RAJAH


| Rajah | | Muka surat |
|---|---|---|
| 2.1 | Kerangka Teoritikal Pendidikan Tahfiz al-Qabisi | 36 |
| 2.2 | Kerangka Umum Pembelajaran Regulasi Kendiri | 55 |
| 2.3 | Kerangka Konsep Kajian | 63 |
| 3.1 | Contoh Model Laluan bagi kajian ini | 72 |
| 3.2 | Proses kajian | 73 |
| 3.3 | Kerangka kerja dan carta alir kajian | 74 |
| 3.4 | Proses persampelan kajian | 100 |
| 3.5 | Langkah Penyelidikan Model Persamaan Struktur (PLS-SEM) | 104 |
| 3.6 | Model Pengukuran yang menunjukkan nilai pemuatan luar indikator reflektif (> 0.7) dan nilai *Average Variance Extracted* (AVE) (> 0.5) | 106 |
| 4.1 | Analisis Kesignifikanan Model Struktur Pencapaian Hafazan berdasarkan prosedur *Bootstrapping* (p < 0.05) | 127 |
| 4.2 | Analisis Laluan Model Struktur Pencapaian Hafazan al-Quran | 128 |
| 4.3 | Model Struktur Pencapaian Hafazan al-Quran (Kesan total) | 143 |
| 4.4 | Model Struktur Pencapaian Hafazan al-Quran tanpa skemata bahasa Arab dan kefahaman al-Quran (kesan total) | 144 |
| 4.5 | Representasi IPMA bagi Indikator Konstruk Peramal Pencapaian Hafazan | 146 |
| 5.1 | Model Tentatif Kesan Skemata bahasa Arab Terhadap Pencapaian Hafazan al-Quran | 163 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI LAMPIRAN


| Lampiran | | Muka surat |
|---|---|---|
| A | Ujian Nahu | 188 |
| B | Ujian Saraf | 193 |
| C | Ujian Kosa Kata | 197 |
| D | Ujian Kefahaman al-Quran | 200 |
| E | Jadual Spesifikasi Item Nahu | 203 |
| F | Jadual Spesifikasi Item Saraf | 208 |
| G | Senarai Kosa Kata | 211 |
| H | Pengadaptasian Item Skala Pembelajaran Regulasi-Kendiri | 212 |
| I | Jadual Putaran Matrik Komponen | 214 |
| J | Borang Soal Selidik | 215 |
| K | Rumusan Konstruk dan Indikator Kajian | 221 |
| L | Model Pengukuran Awal Sebelum Modifikasi Item dan Konstruk | 223 |
| M | Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan dan Surat-surat Berkaitan | 224 |
| N | Surat Pengesahan Pakar | 241 |
| O | Eviden Perbincangan Kumpulan Fokus | 251 |
| P | Eviden Data Skor Hafazan Lisan Dan Tulis | 258 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| DQ | Darul Quran |
| JAKIM | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| MSLQ | *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* |
| MTQN | Maahad Tahfiz al-Quran Negeri |
| PKF | Perbincangan Kumpulan Fokus |
| PLS-SEM | *Partial Least Square-Structural Equation Modeling* |
| PRK | Pembelajaran Regulasi-Kendiri |
| SILL | *Strategies Inventory for Language Learning* |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SPS | Strategi Pengurusan Sumber |

© COPYRIGHT UPM

## TRANSLITERASI

(Sumber: Perpustakaan Congress)

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| b | = | ب | z | = | ز | f | = | ف |
| t | = | ت | s | = | س | q | = | ق |
| th | = | ث | sh | = | ش | k | = | ك |
| j | = | ج | ṣ | = | ص | l | = | ل |
| ḥ | = | ح | ḍ | = | ض | m | = | م |
| kh | = | خ | ṭ | = | ط | n | = | ن |
| d | = | د | ẓ | = | ظ | h | = | ه |
| dh | = | ذ | ʻ | = | ع | w | = | و |
| r | = | ر | gh | = | غ | y | = | ي |

Pendek: a = ´ ; i = ِ ; u = ُ

Panjang: ā = ا ; ī = ي ; ū = و

Diftong: ay = اي ; aw = او

© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan pengenalan kepada kajian yang dimulakan dengan latar belakang atau rasional di sebalik kajian. Masalah kajian menunjukkan jurang atau kelompangan yang ditemui melalui sorotan literatur sebagai sebab yang mendorong pengkaji menjalankan kajian ini. Ini diikuti oleh objektif kajian. Berikutnya, beberapa kepentingan kajian turut diutarakan dari sudut ilmu pengetahuan, teori dan praktikal. Selain itu, beberapa limitasi kajian turut disenaraikan. Akhir sekali, definisi operasi menerangkan bagaimana terma-terma yang wujud dalam kajian ini ditafsirkan dan diukur.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan atas beberapa rasional yang boleh dihuraikan seperti berikut:

### 1.2.1 Perkembangan pendidikan tahfiz

Satu cabang pendidikan Islam yang menjadi fenomena sejagat masyarakat Islam mutakhir ini ialah tahfiz al-Quran. Keupayaan menghafaz al-Quran dilihat sebagai satu kebolehan dan lambang keperibadian tinggi yang menjadi keinginan ramai orang Islam agar dapat dicapai oleh anak-anak mereka. Hal itu menjadikan pendidikan tahfiz satu pilihan kepada sebilangan umat Islam di dunia ini termasuk di Malaysia. Perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia semakin menggalakkan berdasarkan peningkatan ketara dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Mengikut data Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) yang diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sehingga Jun 2015 terdapat sebanyak 28 Maahad Tahfiz Negeri dengan bilangan pelajar seramai 5,826 orang, dan 495 Maahad Tahfiz Swasta dengan bilangan pelajar seramai 28,439 orang. Selain itu, sebanyak 9 buah Kolej Tahfiz Negeri dengan bilangan pelajar seramai 1,722 orang telah direkodkan (JAKIM, 4 Mac 2016 www.Islam.gov.my).

Kesemua data ini menunjukkan peningkatan yang sangat ketara berbanding hanya 58 buah pada tahun 1999 (Bani, Katan, & Noor, 2014). Terkini, kerajaan Malaysia mengumumkan pembentukan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara disusuli dengan peruntukan sejumlah dana yang besar untuk memperkasakan institusi tahfiz, iaitu RM30 juta dalam bajet 2017 (Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, 2016). Justeru perkembangan ini diyakini menuntut prakarsa dan penyelidikan yang komprehensif bagi merealisasikan hasrat masyarakat dan juga kerajaan dalam memperkasakan pendidikan tahfiz.

© COPYRIGHT UPM

### 1.2.2 Hubungan bahasa Arab dengan hafazan al-Quran

Salah satu aspek penting yang perlu dikaji dalam memperkasakan pendidikan al-Quran ialah kepentingan menguasai bahasanya, iaitu bahasa Arab. Hubungan al-Quran dengan bahasa Arab hakikatnya adalah sangat erat ibarat hubungan jasad dan roh (Abdul Hayei, 2003) yang menjadi tidak bermakna apabila dipisahkan. Hal ini demikian kerana tanpa mengetahui bahasa Arab tidak mungkin seseorang dapat memahami risalah penurunan al-Quran (Al-Shafie, 1999). Pandangan tersebut adalah berasaskan mafhum firman Allah SWT:

> "Sesungguhnya Kami (Allah) yang telah menurunkannya berupa Al-Quran dengan berbahasa Arab, agar kamu memahaminya."
>
> (Yusuf, 12: 2)

Dalam ayat di atas, ketika menerangkan tentang penurunan al-Quran dengan bahasa Arab, Allah menggandingkannya dengan aspek kognitif, iaitu menggunakan akal untuk tujuan kefahaman yang bermaksud al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab untuk difahami maknanya melalui bahasa itu.

Hakikat kepentingan bahasa Arab dalam mempelajari al-Quran telah ditegaskan oleh ramai ulama silam. Saranan agar menguasai bahasa Arab dalam kalangan pelajar bidang al-Quran dapat difahami daripada ulama terkemuka seperti Ibnu Khaldūn (Ibnu Khaldūn, 1984), Ibnu Sahnūn (al-Ahwāni, 1983), al-Qābisi (Al-Qābisi, 1986), Ibnu al-ʿArabi (dalam Ibnu Khaldūn, 1984) dan ramai lagi. Di alam nusantara, ilmuan Melayu Islam tersohor Tok Kenali menjadikan usaha mendekatkan ilmu bahasa Arab dan pengajian al-Quran sebagai agenda utama gerakan tajdid beliau di Nusantara, iaitu melalui usaha memartabatkan pendidikan bahasa Arab khususnya ilmu nahu (Abdul Hayei, 2003). Di peringkat global, ramai ilmuan yang menggalakkan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan al-Quran (Ahmed, 2008; al Jaburi, 2010; Ashraf, 2011). Sebaliknya pula, terdapat kajian yang memfokuskan kepentingan al-Quran dan hafalannya pula terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Zamri & Kaseh, 2011; Zhofr, 1998; Zaid, 2011; Abdul Majeed, 2015). Pandangan ulama silam dan beberapa kajian sarjana abad ini membuktikan wujudnya hubungan antara pengajian al-Quran dan bahasa Arab.

Walaupun demikian, kebanyakan institusi tahfiz tidak menekankan pengajian bahasa Arab dalam sistem pengajian hafazan mereka. Hal ini kebanyakannya berlaku di institusi tahfiz persendirian berdasarkan prinsip 'satu perkara pada satu masa' yang mendahulukan pengajian hafazan sebelum ilmu-ilmu lain (Sedek & Zulkfli, 2015). Sehubungan dengan itu, sistem tahfiz umumnya terbahagi kepada tiga kategori berdasarkan sorotan oleh Ibnu Khaldun (1984) dalam Mukaddimah beliau dan berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap hasil kajian tentang tahfiz masa ini. Tiga kategori tersebut ialah sistem yang mendahulukan pengajian tahfiz sebelum pelajaran lain termasuk bahasa Arab, sistem yang menggabungkan pengajaran bahasa Arab

© COPYRIGHT UPM

bersama pendidikan tahfiz dan sistem yang mendahulukan pengetahuan bahasa Arab sebelum pengajian tahfiz.

Jenis ketiga yang mensyaratkan pengajian bahasa Arab sebelum hafazan dilaksanakan dalam sistem pendidikan tahfiz Darul Quran di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN). Hal ini berdasarkan syarat pengambilannya bahawa pelajar hendaklah mempunyai pengetahuan bahasa Arab sekurang-kurangnya peringkat kepujian dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Malah, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih diteruskan selama empat semester pertama bagi program Diploma Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat yang ditawarkan. Sistem yang diamalkan itu memperlihatkan wujud hubungan antara pengajian tahfiz dan pengetahuan bahasa Arab.

Dalam konteks asosiasi hafazan al-Quran dengan skemata bahasa Arab, usaha menghubungkan kedua-dua bidang ilmu ini dipercayai signifikan dan selari dengan saranan Persatuan Guru Bahasa Arab Amerika Syarikat agar guru bahasa Arab memanfaatkan pengetahuan mereka tentang bahasa Arab ke dalam disiplin ilmu lain bagi membolehkan ia diaplikasi dalam kehidupan yang sebenar, misalnya dalam bidang bahasa gunaan, kefungsian nahu dan lain-lain (Alosh, Elkhafaifi, & Hammoud, 2006). Justeru, kajian ini melihat pengetahuan bahasa Arab bukan sahaja untuk dikaji dalam konteksnya yang eksklusif malah perlu dimanfaatkan dalam bidang lain misalnya hafazan al-Quran yang ternyata dibaca dan dihafaz dalam bahasa Arab. Penerokaan hubungan dua disiplin ilmu ini dijangka mempunyai hubungkait dengan beberapa isu yang dibincangkan dalam pembelajaran hafazan.

## 1.3 Pernyataan masalah

Antara isu yang ditemui dalam kajian lepas mengenai pendidikan tahfiz ialah pencapaian hafazan yang kurang memuaskan. Masalah tersebut dilihat konsisten berlaku kepada MTQN dan Darul Quran JAKIM dalam tempoh lebih sedekad yang lalu. Kajian Misnan dan Sadadi (2003) tentang hubungan antara kaedah menghafaz al-Quran dengan pencapaian hafazan di sebuah MTQN melaporkan bahawa 60% daripada pelajar institusi berkenaan tidak berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran dalam 6 semester yang ditetapkan. Begitu juga, direkodkan oleh Azmil (2010), terdapat jurang perbezaan yang amat besar di antara MTQN dalam keputusan ujian hafazan *syafawi* bagi pelajar semester akhir tahun 2006. Seterusnya, Nik Md Saiful Azizi (2014) dalam kajiannya tentang strategi menghafaz al-Quran pelajar Darul Quran (DQ)-JAKIM mencatatkan, laporan Darul Quran 2012 menyebut bahawa pencapaian hafazan belum memenuhi sasaran yang ditetapkan. Terkini, dalam tinjauan awal pengkaji terhadap program tahfiz DQ-JAKIM pada akhir tahun 2016, masalah pembuangan pelajar yang lemah hafazan berlaku pada setiap semester seperti mana dimaklumkan oleh seorang ahli jawatankuasa Unit Peperiksaan DQ-JAKIM.



© COPYRIGHT UPM

Senario ini kelihatan serupa dengan masalah pencapaian pelajar di pusat pengajian tahfiz persendirian (Abdul Hafiz et al., 2005). Terdapat pandangan beberapa pihak dalam kalangan pengusaha dan guru tahfiz bahawa tidak ramai graduan hafazan dihasilkan sepanjang beberapa dekad perjalanan program tahfiz (Sedek & Zulkfli, 2015). Fenomena ini membuktikan bahawa tidak semua pelajar tahfiz dapat menamatkan hafazan dengan jayanya terutama bagi yang telah terpilih ke DQ-JAKIM dan MTQN. Situasi begini menunjukkan ada sesuatu yang 'tidak kena' berlaku dalam konteks pembelajaran hafazan.

Sehubungan dengan itu, dalam satu perbualan pengkaji dengan Puan Hajah Zawanah binti Muhammad, Pengarah Bahagian Pembangunan Insan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap pembangunan pelajar tahfiz JAKIM dan pernah menjawat jawatan Pengarah Darul Quran, beliau kurang berpuas hati terhadap prestasi pelajar institusi berkenaan. Berdasarkan pengalaman beliau, terdapat kalangan pelajar yang ditemui tidak mengetahui isi kandungan ayat al-Quran yang dihafaz. Hal ini dikatakan berkait dengan kelemahan memahami ayat al-Quran dan pada pandangan beliau hal sedemikian adalah mendukacitakan bagi seorang pelajar tahfiz (temubual dengan Puan Hajjah Zawanah pada 21 Julai, 2017).

Banyak kajian telah dibuat bagi merungkai permasalahan di atas. Antara yang ditemui dalam kajian lalu, kelemahan pencapaian berpunca daripada kelemahan aspek pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah tradisional serta kekurangan guru terlatih (Alfi, 2004; Azmil, Abd. Halim, & Misnan, 2013; Nor Musliza & Mokmin, 2014). Ia juga dikaitkan dengan sebab kefahaman al-Quran yang lemah dan kurang diutamakan (Abdul Hafiz et al., 2005; Azmil & Abdul Halim, 2012; Abdul Jalal et al., 2016). Ada kajian yang menghubungkannya dengan pemilihan strategi yang kurang berkesan serta motivasi yang rendah (Misnan & Sadadi, 2003; Abdul Hafiz et al., 2005; Azmil, 2015; Nik Md Saiful Azizi, 2016).

Masalah motivasi dan strategi pembelajaran pelajar tahfiz dikesan dalam satu laporan penyelidikan UTM yang merupakan antara kajian terawal dalam bidang hafazan di Malaysia (Abdul Hafiz et al., 2005). Kajian tersebut dilakukan terhadap pelajar yang majoritinya mengikuti aliran pembelajaran tahfiz sahaja dan menggunakan *tasmī'* (memperdengarkan hafazan al-Quran) serta *tikrār* (pengulangan) sebagai kaedah utama hafazan. Separuh daripada responden (49.4%, N=368) dianggap sebagai kurang bermotivasi apabila bersetuju bahawa mereka tidak berasa nikmat membaca dan menghafaz al-Quran. 60.6% daripada responden mengakui masalah sukar membezakan antara ayat-ayat *mutashābihāt* (hampir serupa) sedang satu pertiga daripada al-Quran adalah terdiri daripada ayat *mutashābihāt* (al-Zawawi, 2013). Walaupun kajian itu telah agak lama dan terkebelakang, namun isu motivasi menghafaz seperti itu diyakini terus berlaku sehingga kini dan masih relevan kerana kaedah dan sistem tradisional yang sama masih digunakan (Sedek dan Zulkifli, 2015). Turut ditemui, 60.8% pelajar dalam kajian Abdul Hafiz et al. (2005) tidak bersetuju bahawa kemahiran bahasa Arab khususnya ilmu nahu dan saraf sebagai penting untuk hafazan.

© COPYRIGHT UPM

Dari sudut yang bertentangan, beberapa orang pelajar tahfiz menyatakan seronok dan bersemangat menghafaz malah dapat menghabiskan sukatan hafazan lebih cepat apabila memahami ayat yang dihafaz. Persepsi demikian adalah antara dapatan Nik Md Saiful Azizi (2014) terhadap strategi hafazan yang digunakan oleh pelajar cemerlang tahfiz DQ-JAKIM dan kajian Zarina (2014) terhadap beberapa orang pelajar tahfiz yang mempunyai pengetahuan bahasa Arab. Begitu juga, dalam prakajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk meninjau pandangan pelajar DQ-JAKIM terhadap keperluan pengetahuan bahasa Arab dalam pembelajaran hafazan, kebanyakan daripada 10 orang peserta perbincangan kumpulan fokus (PKF) bersetuju bahawa kefahaman sangat penting untuk tujuan hafazan terutama kefahaman melalui penguasaan bahasa Arab (rujuk transkripsi perbincangan dalam lampiran O). Penemuan dan persepsi yang berbeza-beza tersebut memerlukan satu kajian dilakukan terhadap peranan bahasa Arab sebagai faktor yang belum diterokai dalam mencari solusi terhadap pencapaian hafazan.

Walaupun telah banyak kajian dilakukan bagi menjawab permasalahan dalam pendidikan tahfiz, namun masih terdapat jurang pengetahuan dan kelompangan yang ditinggalkan oleh kajian lepas. Kajian lalu telah menemui masalah berhubung kelemahan pencapaian hafazan, antaranya kelemahan strategi, kekurangan motivasi dan kelemahan dalam memahami al-Quran. Namun demikian, belum diselidiki punca mengapa pelajar tahfiz tidak memahami al-Quran, mengapa mereka sukar membezakan ayat-ayat *mutasyabihat*, kurang bermotivasi dan kurang berstrategi. Dalam simposium pemerkasaan pendidikan tahfiz tahun 2016 anjuran DQ JAKIM dan Universiti Malaya, sekumpulan sarjana menyarankan agar ditambah baik kurikulum yang ada melalui pemerkasaan subjek bahasa Arab di institusi tahfiz (Mohamad, Hashim, & Ishak, 2016). Secara tidak langsung, dapat difahami daripada syor itu bahawa bahasa Arab mempunyai kepentingannya dalam memperkasakan pendidikan tahfiz. Malah, ilmuan tersohor Ibnu Khaldun dan al-Qabisi menekankan kepentingan bahasa Arab dalam pendidikan tahfiz.

Bagaimanapun, kajian lepas terhadap pelajar DQ-JAKIM didapati tidak mengaitkan masalah kefahaman al-Quran dengan aspek bahasa Arab walaupun pelajar yang dikaji mempunyai skemata bahasa Arab, tetapi menjadikan al-Quran terjemahan sebagai sumber memahami al-Quran (Abdul Jalal et al., 2016). Proses pemahaman al-Quran melalui terjemahan hakikatnya tidak sama dengan kefahaman melalui ilmu bahasa Arab. Justeru, satu penyelidikan secara empirikal diperlukan untuk mengenal pasti adakah pengetahuan bahasa Arab memberi kesan ke atas pencapaian hafazan. Adakah ia turut mempengaruhi kefahaman al-Quran, motivasi pelajar tahfiz dan strategi yang digunakan dalam aktiviti pembelajaran hafazan?

Sehubungan dengan itu, dalam hal kefahaman teks, sarjana bidang skemata (pengetahuan lepas) dalam pembelajaran bahasa asing menyatakan, skemata linguistik ialah syarat utama untuk memahami teks (Carrell, 1987). Malah seperti yang dipersetujui para ulama, kefahaman al-Quran yang sebenar boleh dicapai melalui penguasaan ilmu bahasa Arab. Namun begitu, dalam konteks pemahaman al-Quran, sejauh jangkauan pengkaji, belum ditemui sebarang kajian empirikal berkaitan kesan

© COPYRIGHT UPM

skemata bahasa Arab terhadap kefahaman teks al-Quran. Oleh yang demikian, kajian ini difikirkan perlu dilakukan untuk mengenal pasti pengaruh skemata bahasa Arab terhadap kefahaman al-Quran dalam konteks pembelajaran hafazan.

Selain kepentingan skemata dalam bidang pemahaman teks (Carrell, 1983, 1987), adakah teori skemata linguistik yang dibincangkan oleh sarjana Barat turut terpakai untuk aktiviti mengingat khususnya hafazan al-Quran? Tinjauan kepustakaan mendapati kajian asosiasi bahasa Arab dengan pembelajaran hafazan telah dilakukan tetapi sangat sedikit yang ditemui pengkaji, iaitu kajian Alfi (2004), Sofiah (2013), Nuha (2015), Ikhwanuddin dan Che Noraini (2014), Zahriah, Nik Farhan, Che Radiah, Pabiyah dan Normaliza (2016). Bagaimanapun, terdapat jurang pengetahuan dalam kajian berkenaan.

Kelompangan dalam kajian Alfi (2004) ialah beliau tidak menyelidiki tentang keberkesanan pendekatan bahasa sebagai asas syor yang dikemukakan. Walaupun beliau menamakan kajiannya sebagai *An Applied Linguistics Approach to Improving the Memorization of the Holy Quran - Suggestions for Designing Practice Activities for Learning and Teaching*, iaitu 'Satu Pendekatan Bahasa Gunaan untuk Meningkatkan Hafazan al-Quran – Cadangan untuk Mereka Bentuk Aktiviti Latihan bagi Pembelajaran dan Pengajaran' namun hanya ditemui saranan semata-mata agar pendekatan linguistik digunakan. Sejauh sorotan pengkaji, belum ditemui susulannya oleh sebarang kajian sama ada berbentuk eksperimen atau bukan eksperimen.

Melalui kajian Zarina (2014) dan Nik Md Saiful Azizi (2014), dapat difahami secara tidak langsung bahawa skemata bahasa Arab memberi kelebihan kepada penghafaz al-Quran kerana terdapat kalangan responden terdiri daripada pelajar berpengetahuan bahasa Arab. Namun kajian mereka menggunakan teknik temubual sebagai kaedah memungut data kajian. Kajian sedemikian tidak dapat menjelaskan secara empiri sumbangan pengetahuan lepas bahasa Arab terhadap prestasi hafazan seseorang.

Begitu juga, kajian Ikhwanuddin dan Che Noraini (2014) walaupun diberi tajuk sebagai *Relationship between Memorization Technique, Mastery of the Arabic Language and Understanding of the Qur'an* iaitu 'Hubungan antara Teknik mengingat, Penguasaan Bahasa Arab dan Kefahaman al-Quran,' namun tidak dikaji secara langsung hubungan bahasa Arab dengan hafazan, sebaliknya pencapaian hafazan dihubungkaitkan dengan pengetahuan tafsir al-Quran yang diajar dalam bahasa Arab.

Kajian Zahriah, Nik Farhan, Che Radiah, Pabiyah, & Normaliza (2016) pula walaupun mendapati majoriti responden yang dikaji bersetuju bahawa pengetahuan Nahu Arab penting untuk hafazan namun ia hanya memfokuskan aspek nahu dan tidak meliputi komponen bahasa Arab yang lain seperti ilmu saraf (morfologi) dan kosa kata. Kekurangan kajian tersebut juga dilihat dalam bentuknya yang deskriptif dan tidak menunjukkan hubungan atau kesan skemata bahasa terhadap pencapaian hafazan.



© COPYRIGHT UPM

Kebanyakan kajian lepas yang ditemui dalam bidang hafazan dilakukan bertujuan deskriptif seperti mengenal pasti tujuan dan nilai di sebalik pendidikan tahfiz (Boyle, 2006), mendalami sistem yang digunakan termasuk aspek kurikulum tahfiz, proses pelaksanaan dan hasilnya (Azmil, 2010), kajian tentang denda dan ganjaran yang berkait dengan motivasi pelajar (Mohamad Khairudin et al., 2014), pembangunan perisian pembelajaran hafazan dan aplikasi e-tahfiz (Mohamed Elhadj, 2010; Muhammad et al., 2012; Norhayati et al., 2015; Norlizah et al., 2015) dan lain-lain lagi (Azmil et al., 2013; Azmil & Abdul Halim, 2012; Abdul Hafiz et al., 2005, 2003). Walaupun terdapat kajian berbentuk inferensi, namun kajian yang ditemui terhad bagi tujuan mengetahui hubungan antara beberapa pemboleh ubah dan tidak menunjukkan penemuan dari segi sebab dan akibat (Azmil, Ab Halim, et al., 2014; Azmil, Misnan, Ab. Halim, & Mohd Aderi, 2014; Ikhwanuddin & Che Noraini, 2014). Setakat sorotan pengkaji, belum ditemui kajian yang bersifat regresi dalam mengenal pasti pengaruh beberapa faktor ke atas tahap pencapaian hafazan. Kesimpulannya, kajian lepas telah memberikan maklumat awal kepada pelaksanaan kajian ini dari segi masalah dan kelemahan yang timbul berkaitan pencapaian hafazan seperti aspek motivasi, strategi dan kefahaman makna ayat al-Quran. Namun demikian ia belum dapat memberikan jawapan kepada permasalahan tentang faktor utama di sebalik kelemahan tersebut yang boleh meramal pencapaian hafazan.

Berdasarkan kelompangan dan jurang pengetahuan yang telah dijelaskan, ditimbulkan beberapa persoalan dalam kajian ini:

1) Adakah skemata bahasa Arab mempengaruhi pencapaian hafazan?
2) Adakah skemata bahasa Arab mempengaruhi kefahaman al-Quran pelajar tahfiz?
3) Adakah kefahaman al-Quran pula memberikan kesan ke atas pencapaian hafazan?
4) Adakah faktor pembelajaran regulasi-kendiri seperti aspek strategi dan motivasi pelajar tahfiz mempunyai hubungan dengan pengetahuan bahasa Arab yang dimiliki oleh mereka?
5) Apakah komponen skemata bahasa Arab yang paling dominan dalam meramal pencapaian hafazan?

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini disusun mengikut keutamaan bagi mencari jawapan terhadap persoalan kajian seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap skemata bahasa Arab, kefahaman al-Quran, amalan PRK dan pencapaian hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz yang mempunyai skemata bahasa Arab.
2. Mengenal pasti kesan langsung skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan.



© COPYRIGHT UPM

3. Mengukur kesan tidak langsung skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran dan amalan pembelajaran regulasi kendiri (konstruk strategi hafazan, strategi metakognitif, efikasi kendiri, tikrar dan strategi pengurusan sumber).
4. Mengukur kesan keseluruhan skemata bahasa Arab (sebab) terhadap kesemua pemboleh ubah bersandar (akibat).
5. Menentukan urutan kepentingan komponen skemata bahasa Arab antara nahu, saraf dan kosa kata dalam mempengaruhi pencapaian hafazan.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat dilihat daripada beberapa sudut:

### 1.5.1 Dari segi khazanah ilmu pengetahuan dan penyelidikan ilmiah

Perkembangan pendidikan tahfiz sama ada di peringkat global dan lokal memerlukan kajian yang dapat menambah baik bidang berkenaan. Berdasarkan sorotan karya yang telah dibuat, kajian ini mengisi kelompangan yang ada dalam menyelidiki secara empirikal apakah faktor peramal terhadap pencapaian hafazan. Secara lebih spesifik, bagaimana pengetahuan bahasa Arab menyumbang kepada bidang hafazan al-Quran. Justeru hasil kajian ini dijangka dapat menambah khazanah pengetahuan tentang faktor yang boleh menambah baik pencapaian hafazan pada masa depan.

Secara mendalam, kajian ini memeriksa komponen bahasa Arab – antara skemata nahu, saraf dan kosa kata al-Quran - yang manakah paling utama dalam meramal pencapaian hafazan. Hal ini kerana setiap cabang ilmu bahasa Arab mempunyai peranan dan fungsi masing-masing dalam bidang berbeza walaupun semuanya saling memerlukan antara satu sama lain (Abbas, 1997). Melalui keputusan yang diperoleh, penyelidik bahasa Arab dan pengajar tahfiz al-Quran dapat memberikan penekanan terhadap ilmu bahasa Arab mengikut keutamaan kepentingan dalam konteks hafazan al-Quran.

### 1.5.2 Dari segi teori

Kajian ini membuka perspektif yang lebih luas di dalam penyelidikan bidang keagamaan dan bahasa Arab dengan menggabungkan teori sarjana Islam dan teori Barat daripada dua alaf berbeza. Ia bertujuan memberikan hasil teoritikal yang lebih mantap terhadap isu yang dikaji. Secara spesifik, penekanan kepada pengetahuan Arab dalam model al-Qābisi (Al- Qābisi, 1986) mempunyai persamaan dengan teori skemata bahasa (Carrell, 1987) yang menyatakan skemata bahasa adalah prasyarat dan asas dalam kefahaman teks. Selain itu, model al-Qābisi yang turut menonjolkan kepentingan motivasi dan strategi hafazan menunjukkan gabungan beberapa aspek penting dalam proses pembelajaran yang hampir menyamai konsep pembelajaran pengaturan kendiri oleh pengkaji moden (Pintrich et al., 1991; Zimmerman, 1989,



© COPYRIGHT UPM

1990, 2002, 2008). Justeru kajian ini mengenal pasti adakah teori-teori berkenaan relevan digabungkan dan digunakan dalam konteks pembelajaran hafazan.

### 1.5.3 Dari segi praktis pendidikan tahfiz

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi beberapa *input* berguna kepada pembentukan dasar seperti Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang sedang di peringkat kajian oleh JAKIM. Malah, informasi daripada kajian ini boleh dimanfaatkan oleh institusi tahfiz al-Quran baik jenis awam mahupun swasta, dari segi keprihatinan terhadap pengajaran bahasa Arab dalam pendidikan al-Quran. Kajian ini penting kepada guru tahfiz al-Quran untuk menonjolkan kefungsian bahasa Arab semasa pengajaran hafazan. Selain itu, para pelajar tahfiz dapat mengetahui kepentingan bahasa Arab dan memanfaatkannya dalam memahami dan menghafaz al-Quran di samping boleh melakukan amalan regulasi-kendiri dalam pembelajaran dengan mengambil berat aspek pengurusan sumber dan pemilihan strategi yang bersesuaian dengan hafazan al-Quran.

Umumnya, dapatan kajian ini dipercayai signifikan kepada semua pihak yang terlibat dengan pembelajaran tahfiz sama ada pelajar, guru, pentadbir institusi tahfiz, penyelidik dan juga masyarakat umum bahawa aspek bahasa Arab tidak boleh sama sekali terpisah daripada pendidikan tahfiz dan amalan hafazan al-Quran.

## 1.6 Limitasi Kajian

Limitasi kajian ini dilihat daripada beberapa aspek:

### 1.6.1 Skop pemboleh ubah kajian

Skop skemata bahasa Arab dalam kajian ini hanya terdiri daripada pengetahuan nahu, pengetahuan saraf dan pengetahuan kosa kata al-Quran. Walaupun pengetahuan bahasa Arab di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menjadi panduan sukatan dan format ujian dalam kajian ini meliputi pengetahuan *balaghah* (ilmu retorik), namun komponen *balaghah* tidak diselidiki dalam kajian ini kerana mengambil kira cadangan al-Qābisi yang menggalakkan pembelajaran *fleksi* yang ditafsirkan sebagai pengetahuan nahu dan saraf sahaja. Selain nahu dan saraf, ditambah pengetahuan kosa kata kerana ada kajian mencadangkan bahawa pengetahuan kosa kata adalah peramal terbaik pengetahuan sesuatu bahasa (Anderson & Freebody, 1985; John Read, 2000; Nation & Meara, 2002).

Kajian ini menggunakan pengukuran pencapaian ujian bahasa Arab berasaskan sukatan bahasa Arab peringkat SPM sebagai tanda aras skemata bahasa Arab. Ini adalah satu limitasi kerana skemata nahu dan saraf peringkat SPM tidak dapat dipastikan berupaya menjadi indikator skemata bahasa Arab yang berkaitan al-Quran kerana sejauh ini belum ditemui kajian mengesahkannya.

© COPYRIGHT UPM

Walau bagaimanapun, pengkaji memilih kaedah pengukuran ini kerana kaedah terbaik mengukur skemata bahasa ialah melalui ujian pengetahuan lepas yang berkaitan domain yang hendak diuji (John Read, 2000; Purpura, 2013). Bagi ujian kosa kata, pengkaji hanya mengukur 30 kosa kata al-Quran yang paling kerap seperti dalam Ahmad Majdi (2016) kerana mengambil pandangan Read (2000) bahawa mustahil untuk diuji semua kosa kata sesuatu bahasa dalam mengukur pengetahuan kosa kata dan memadai 30 perkataan sebagai sampel.

Selain itu, pengkaji memilih beberapa skala dalam instrumen *Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)* untuk mengukur aspek pembelajaran regulasi-kendiri (PRK) bagi tujuan kajian ini walaupun terdapat banyak jenis instrumen lain yang mengukur konsep PRK. Hal ini kerana instrumen tersebut memasukkan aspek strategi dan motivasi pembelajaran dalam amalan yang diukur. Justifikasi pemilihan diterangkan dalam bab 2.

### 1.6.2 Kaedah kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan keratan rentas dalam memungut data kajian. Dibandingkan dengan kajian *longitudinal*, kaedah ini dikatakan mempunyai kelemahan kerana data yang dikutip sekali sahaja terdedah kepada masalah *Common Method Variance* (CMV), iaitu ralat yang disebabkan oleh masalah pengukuran yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kajian. Namun langkah-langkah perlu dalam mengatasi masalah tersebut telah diambil seperti mempelbagaikan sumber data pemboleh ubah dan sebagainya seperti dicadangkan oleh sarjana berkaitan (Podsakoff, Mackenzie, Lee, & Podsakoff, 2003; Podsakoff, MacKenzie, & Podsakoff, 2011).

### 1.6.3 Populasi dan sampel kajian

Kajian ini terbatas dalam menyelidiki pelajar tahfiz yang mempunyai asas pengetahuan bahasa Arab sahaja, iaitu pelajar Darul Quran dan Maahad Tahfiz Quran Negeri yang menggunakan program tahfiz Darul Quran JAKIM. Hal ini bersesuaian dengan tujuan utama kajian ini menyelidiki faktor skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan al-Quran. Oleh itu, pelajar tahfiz di peringkat sekolah dan tahfiz persendirian tidak termasuk dalam populasi kajian ini.

Sementara itu, skop populasi kajian ini ialah populasi yang boleh dicapai. Walaupun institusi kajian yang membentuk populasi kajian ini turut terdapat di negeri Sabah dan Sarawak, kajian ini menghadkan sampel diambil daripada institusi di Semenanjung Malaysia sahaja atas kekangan masa dan kos. Oleh yang demikian, hanya 12 institusi terlibat daripada keseluruhan 14 institusi tahfiz yang menggunakan program tahfiz JAKIM.

© COPYRIGHT UPM

### 1.7 Definisi Operasi

Kata kunci yang digunakan dalam kajian ini didefinisikan secara operasi. Ini adalah kerana definisi yang jelas tentang pemboleh ubah utama kajian menjadi panduan kepada pengkaji dalam mengumpul dan menganalisis data.

#### 1.7.1 Kesan Skemata Bahasa Arab

Skemata bahasa Arab dalam kajian ini merujuk kepada tahap pengetahuan lepas pelajar tentang bahasa Arab. Skemata diukur menggunakan skor ujian berdasarkan sukatan bahasa Arab SPM yang disesuaikan dengan kaedah-kaedah bahasa Arab dan kosa kata yang paling kerap timbul dalam 10 juzuk pertama al-Quran. Ada tiga indikator mengukur skemata bahasa Arab, iaitu nahu, saraf dan kosa kata. Kesan skemata bahasa Arab bermaksud bagaimana pemboleh ubah ini mempengaruhi pemboleh ubah lain dengan menggunakan alat pengukuran SEM PLS.

#### 1.7.2 Pencapaian hafazan

Pencapaian hafazan dalam kajian ini merujuk kepada kebolehan mengingat ayat al-Quran secara lisan dan bertulis. Ia berdasarkan skor hafazan al-Quran yang diperoleh pelajar melalui ujian peperiksaan akhir semester berkenaan yang dijalankan oleh institusi yang dikaji. Indikator pencapaian hafazan ialah skor ujian hafazan lisan (*syafawi*) dan ujian hafazan bertulis (*tahrīri*). Skor hafazan yang digunakan untuk mengukur pencapaian hafazan merupakan keputusan ujian bagi 10 juzuk pertama al-Quran, iaitu Juzuk 1 hingga juzuk 10.

#### 1.7.3 Kefahaman al-Quran

Kefahaman al-Quran dalam kajian ini bermaksud kebolehan mengetahui makna atau mengerti maksud ayat al-Quran dan boleh mengeluarkan isi penting ayat al-Quran. Kefahaman dalam kajian ini diukur melalui dua bentuk soalan berdasarkan kaedah yang pernah digunakan oleh Azmil (2010). Pertama ialah kefahaman terhadap teks al-Quran yang diukur melalui tiga cara, iaitu mengeluarkan isi penting ayat, menerangkan maksud ayat dan juga terjemahan ayat. Kedua, istizhar ayat, iaitu mengeluarkan contoh ayat al-Quran yang pernah dihafaz bagi situasi tertentu seperti dalil mengerjakan ibadat tertentu dan penyelesaian masalah agama.

#### 1.7.4 Pembelajaran Regulasi-Kendiri (PRK)

PRK dalam kajian ini merujuk kepada tahap amalan pelajar tahfiz dalam beberapa konstruk yang membentuk konsep pembelajaran pengaturan kendiri. Ia merupakan kombinasi beberapa elemen dalam pembelajaran, iaitu penggunaan strategi hafazan, efikasi kendiri, strategi metakognitif hafazan, aspek pengurusan masa, daya kawalan



© COPYRIGHT UPM

tumpuan terhadap hafazan serta pengulangan hafazan secara berterusan (*tikrār*). Ia diukur menggunakan instrumen yang diadaptasi daripada *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) (P. R. Pintrich et al., 1991) dan instrumen yang dibina sendiri oleh pengkaji tentang strategi hafazan berdasarkan saranan ulama hafazan.

## 1.8 Penutup

Bab ini telah menghuraikan perkara asas bagi kajian ini meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah yang diikuti persoalan kajian dan objektif kajian. Selain itu, di dalam bab ini juga telah dijelaskan kepentingan kajian, limitasi kajian, dan akhir sekali definisi operasi setiap terma dalam kajian.

© COPYRIGHT UPM

## RUJUKAN


al-Quran al-Karim

Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Empat

Ab Rahman al-Qari, A., Shukeri, M., & Zulkifli, H. M. Y. (2012). Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qira'at di Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap Peranan Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim. In *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012* (pp. 71–84).

Abbas, F. H. (1997). *Al-Balaghah: Fununuha wa Afnanuha*. Irbid, Jordan: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tauzi'.

Abdul Hafiz, A., Ajmain, S., Ismail, M., Azhar, M., & Idris, I. (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz. Universiti Teknologi Malaysia*.

Abdul Hafiz, A., Hussin, S., Azmi Shah, S., Sulaiman Shakib, M. N., Kamarul Azmi, J., & Abdul Basit, S. . (2005). *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*.

Abdul Hayei, A. S. (2003). Sumbangan Tok Kenali Kepada Gerakan Tajdid Islam di Kelantan. *AL-BAYAN Journal of Al-Quran & Al-Hadith*, *1*(Mei), 1–26. http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

Abdul Jalal, A. M., Shamsul Bahari, D., Mohamad Marzuqi, A. R., Muhammad Toriq, Y., Zamzarina, M. S., Sukhairu, S., … Nur Syazrin, N. M. (2016). *Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat aL-Quran Berbantukan aL-Quran Terjemahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hifz aL-Quran*. Darul Quran, Selangor.

Abdul Majeed, N. (2015). Influence of the Holy Qur â€™ an on Arabic Language. *Arabic Literature*, *13*(11), 6–8.

Abu al-Fida', M. I. M. A. (2010). *Kaifa Nahfadz al-Quran? Al-Wasaya al-Asyarah li Hifz al-Quran* (5th ed.). Kaherah: Dar al-Salam.

Adhoni, Z. A., Hamad, H. Al, Siddiqi, A. A., & Mortaji, L. El. (2013). Towards a Comprehensive Online Portal and Mobile Friendly Qur'an Application. *... for the Holy Quran and Its …*. http://doi.org/10.1109/NOORIC.2013.38

Ahmad Fuad, C. D. @ C. M. (2015). Pengaruh Subjek dan Predikat dalam Pemahaman Teks Bahasa Arab ( The In fl uence of Subject and Predicate in Arabic Text Understanding ). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *40*(1), 1–6.

Ahmad Majdi bin Mat Salleh. (2016). *Kamus Frekuensi Kata al-Quran : Kosa Kata al-Quran Berfrekuensi > 7 kali* (1st ed.). Selangor: Ahmad Majdi bin Mat Salleh.




© COPYRIGHT UPM

Ahmed, Z. (2008). *Essentials of Arabic Grammar for Learning Quranic Language* (1st ed.). Rawalpindi, Pakistan: DARUSSALAM Publishers & Distributors.

Ahmet, H. E. (2016). Method of al-Quran Memorization Reinforcement Sulaimaniyyah Technique. In M. Y. H. M. Y. Zulkifli & A. Nordin (Eds.), *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran* (pp. 218–220). Kuala Lumpur: Darul Quran JAKIM dan Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya.

Al-Ahwani, A. F. (1983). *Al-Tarbiah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Al-Ahwani, A. F. (1983). *Al-Tarbiah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Al-Ashmuni, A. bin M. bin I. A. al-H. N. al-A. al-S. (1955). *Syarh al-Ashmuni ala Alfiah Ibni Malik*. (A. H. Muhammad Muhyiddin, Ed.) (1st ed.). Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Al-Ghaniman, H. bin A. (n.d.). *Al-Wadhih fi al-Sorf*. Riyadh: University of al-Malik Saud.

Al-Jahidz, A. U. A. bin B. (1990). *Al-Bayan wa al-Tabyin*. (Abdul Salam Muhammad Harun, Ed.). Beirut: Dar al-Jil.

al-Mu'jam al-Wasit. (2004). *al-Mu'jam al-Wasit* (4th ed.). Kaherah: Maktabah al-Shuruq al-Dauliyyah.

Al-Qabisi, A. a.-H. (1986). *Al-Risalah al-Mufassilah li Ahwal al-Muta'allimin wa Ahkam al-Mua'llimin wa al-Muta'allimin*. (A. A. Khalid, Ed.) (1st ed.). Tunis: Tunisiyyah li al-Syarikah al--Tauzi'.

al-Rajihi, A. (1988). *al-Tatbiq al-Nahwiy*. Beirut: Dar al-Nahdhah al-Arabiyyah.

Al-Safaqisi, A. al-H. A. bin M. bin S. al-N. (n.d.). *Tanbih al-Ghafilin wa Irsyad al-Jahilin Amma Yaqa'u lahum min al-Khata' Hala Tilawatihim li Kitabillah al-Mubin*. (M. al-S. Al-Naifar, Ed.). Muassasat Abdul Karim bin Abdullah.

Al-Shafie, M. bin I. (1999). *Al-Risalah*. Lebanon: Dar an-Nafaes.

Al-Zahabi, A.-I. S. M. B. A. (1996). *Siyar A'lam al-Nubalaa'.pdf*. (S. Al-Arna'ut & M. N. Al-Arqususi, Eds.) (11th ed.). Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Zain, M. A. (2009). *Ahammiyat al-Lughah al-Arabiyyah fi Fahm al-Quran wa al-Sunnah* (1st ed.). Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department Idarat al-Buhuth.

Al-Zarkasyi, al-I. B. M. bin A. (1972). *Al-Burhan fi Ulum al-Quran* (2nd ed.). Beirut: Dar al-Makrifah.

Al-Zawawi, Y. A. F. (2013). *Khairu Mu'in fi Hifz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar Ibn Hazm.



© COPYRIGHT UPM

al Jaburi, M. A. N. (2010). Daur al-Nahw wa al-I'rab wa Ahammiyyatuha fi Tafsir al-Nas al-Qurani. *Majallah Auruk Li Al-Abhath Al-Insaniyyah*, *3*(1), 27–42.

Alfi, M. Y. (2004). An Applied Linguistics Approach to Improving the Memorization of the Holy Quran_ Suggestions for Designing Practice Activities for Learning and Teaching.pdf. *Educational Science & Islamic Studies*, *16*(2), 1–32.

Alosh, M., Elkhafaifi, H. M., & Hammoud, S.-D. (2006). Profesional Standards for Teachers of Arabic. In K. M. Wahba, Z. A. Taha, & Liz England (Eds.), *Handbook for Arabic Language Teaching Professionals in the 21st Century* (pp. 409–417). London: Lawrence Elbaum Associates.

Amjad, S. (2015). *Does memorization without comprehension result in language learning ?* Cardiff University.

Anderson, R. C., & Freebody, P. (1985). Vocabulary knowledge. *Theoretical Models and the Processes of Reading*, 343–371.

Ariffin, S., Abdullah, M., Suliaman, I., Ahmad, K., Deraman, F., Shah, F. A., Mohd Nor, M. R. (2013). Effective Techniques of Memorizing the Quran : A Study at Madrasah tahfiz Al-quran, Terengganu, Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, *13*(1), 45–48. http://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.1.1762

Arlene Fink. (2005). *Conducting Research Literature Reviews: From the Internet to Paper* (2nd ed.). Thousand Oaks: SAGE Publications.

Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C., & Walker, D. A. (2014). *Introduction to Research in Education* (9th ed.). Wadsworth: Cengage Learning.

Ashraf, M. Z. (2011). Makanat al-Lughah al-Arabiyyah fi Dhau' Talazumiha bi al-Quran al-Karim. *Majallah Midad Al-Adab (1)*, 13–67.

Awatif Abdul Rahman, Muhammad Khairi Mahyuddin, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan, S. N. M. Is. (2017). Teori Skemata Melalui Penguasaan Bahan Bacaan : Satu Proses Interaktif. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*.

Azhar, M. (2005). Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran. *Jurnal Teknologi E*, *42*, 61–75. Retrieved from http://eprints.utm.my/1827

Azmil, H. (2010). *Penilaian Kurikulum Tahfiz darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azmil, H. (2015). Correlation between Strategy of Tahfiz Learning Styles and Students Performance in Al-Qur'an Memorization (Hifz). *Mediterranean Journal of Social Sciences*, *6*(2), 85–92. http://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n2s5p85

© COPYRIGHT UPM

Azmil, H., Ab Halim, T., Misnan, J., & Aderi, C. N. (2014). Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, *1*(1), 9–16. Retrieved from http://ssj.aies.org.my/index.php/jqt/article/view/37

Azmil, H., Abd. Halim, T., & Misnan, J. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah. *Journal Of Islamic Education*, *1*(1), 28–39.

Azmil, H., & Abdul Halim, T. (2012). Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, *4*(2), 1–10.

Azmil, H., Misnan, J., Ab. Halim, T., & Mohd Aderi, C. N. (2014). Hubungan Antara Adab-Adab Pembelajaran Tahfiz. *The Online Journal of Islamic Education*, *2*(2), 73–82.

Bachman, L. F., & Palmer, A. S. (1982). The construct validation of some components of communicative proficiency. *TESOL Quarterly*, *16*(4), 449–465. http://doi.org/10.2307/3586464

Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action : a social cognitive theory / Albert Bandura. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall, 1986. xiii, 617 pp.*

Bandura, A. (1989). Human agency in social cognitive theory. *The American Psychologist*, *44*(9), 1175–1184. http://doi.org/10.1037/0003-066x.44.9.1175

Bandura, A. (1994). Self-Efficacy. *Encyclopedia of Human Behavior*, *4*(1994), 71–81. http://doi.org/10.1002/9780470479216.corpsy0836

Bandura, A. (2006). Guide for constructing self-efficacy scales. In *Self-efficacy beliefs of adolescents* (pp. 307–337). http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

Bani, H., Katan, M., & Noor, A. H. M. (2014). Applying Stakeholder Approach in Developing Accountability Indicators For Tahfiz Centers. In *Proceedings of International Conference on Accounting Research & Education 2014* (pp. 1–15).

Bartlett. (1932). A theory of remembering. In *Remembering: A Study in Experimental and Social Psychology* (pp. 197–214). http://doi.org/10.1017/CBO9780511759185.013

Beddeley, A. D. (1990). *Human Memory: Theory and Practice*. New York: Allyn and Bacon.

Bloom, B. S., Englehart, M. D., Furst, E. J., Hill, W. H., & Krathwohl, D. R. (1956). Taxonomy of educational objectives: Handbook I. In D. McKay (Ed.), *Cognitive domain.* New York.



© COPYRIGHT UPM

Boekaerts, M. (1996). Self-regulated Learning at the Junction of Cognition and Motivation. *European Psychologist*, *1*(2), 100–112. http://doi.org/10.1027/1016-9040.1.2.100

Boekaerts, M. (1999). Self-regulated learning: Where we are today. *International Journal of Educational Research*, *31*(6), 445–457. http://doi.org/10.1016/S0883-0355(99)00014-2

Borkowski, J. G., Chan, L. K. S., & Muthukrishna, N. (2000). A process-oriented model of metacognition: Links between motivation and executive functioning of metacognition. *Issues in the Measurement of Metacognition*, 1–41.

Boyle, H. N. (2006). Memorization and Learning in Islamic Schools. *Comparative Education Review*, *50*(3), 478–495. http://doi.org/10.1086/504819

Bransford, J. D., & Johnson, M. K. (1972). Contextual prerequisites for understanding: Some investigations of comprehension and recall. *Journal of Verbal Learning and Verbal Behavior*, *11*(6), 717–726. http://doi.org/10.1016/S0022-5371(72)80006-9

Brewer, W. F., & Nakamura, G. V. (1984). The Nature and Functions of Schemas. *Technical Report No 325*, (University of Illinois), 1–52.

Brislin, R. W. (1970). *Back-Translation for Cross-Cultural Research*. *Journal of Cross-Cultural Psychology* (Vol. 1). http://doi.org/10.1177/135910457000100301

Britton, B. K., & Tesser, A. (1991). Effects of time-management practices on college grades. *Journal of Educational Psychology*, *83*(3), 405–410. http://doi.org/10.1037/0022-0663.83.3.405

Brod, G., Werkle-Bergner, M., & Shing, Y. L. (2013). The influence of prior knowledge on memory: a developmental cognitive neuroscience perspective. *Frontiers in Behavioral Neuroscience*, *7*, 139. http://doi.org/10.3389/fnbeh.2013.00139

Burnan, U. (2014). *Wadzoif Alamat al-I'rab*. University Maulud Ma'mariy - Tizi Wazu.

Carrel, P. L. (1983). Issues in Schemata. In *TESOL Convention, Toronto, Canada* (pp. 81–92).

Carrell, P. (1983). Some issues in studying the role of schemata, or background knowledge, in second language comprehension. In *Reading in a Foreign Language* (Vol. 1, pp. 81–92). Retrieved from http://nflrc.hawaii.edu/Rfl/PastIssues/rfl12carrell.pdf

Carrell, P. L. (1983). Three Components of Background Knowledge in Reading Comprehension1. *Language Learning*, *33*(April), 183–203. http://doi.org/10.1111/j.1467-1770.1983.tb00534.x

© COPYRIGHT UPM

Carrell, P. L. (1987). Discussions and Research Notes. ESP in Applied Linguistics : Refining Research Agenda Implications and future Directions of Research on Second Language Reading. *English for Specific Purposes*, *6*, 233–243.

Carrell, P. L., & Eisterhold, J. C. (1983). Schema Theory and ESL Reading Pedagogy. *TESOL Quarterly*, *17*(4), 553–573. http://doi.org/10.2307/3586613

Casidy, S., & Eachus, P. (2002). Developing the Computer User Self-Efficacy (Cuse) Scale: Investigating the Relationship Between Computer Self-Efficacy, Gender and Experience With Computers. *Journal of Educational Computing Research*, *26*(2), 133–153. http://doi.org/10.2190/JGJR-0KVL-HRF7-GCNV

